

24/06/1997

Perwaja: BPR sukar kumpul maklumat (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas penyelewengan Perwaja Terengganu Sdn Bhd mengambil masa bukan kerana kerajaan ingin melindungi kes itu tetapi disebabkan kekurangan kerjasama terutama dari negara luar.

Sambil mengakui kritikan orang ramai kerana kes itu mengambil masa panjang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, BPR perlu mendapatkan maklumat dari negara luar bagi melengkapkan siasatan dan keadaan itu memberi kesan terhadap prosedur siasatan.

Pemangku Perdana Menteri bagaimanapun memberi jaminan, siasatan BPR terhadap Perwaja diteruskan, malah agensi itu diarahkan supaya berusaha mengumpul bukti secepat mungkin.

"Selain siasatan kes yang cukup menyeluruh dan besar dalam negeri, BPR juga terpaksa menemui wakil dari luar negara yang sebahagiannya setuju dan sebahagiannya tidak setuju untuk memberi maklumat.

"Kes ini agak rumit dan BPR sendiri tidak dapat memastikan bila siasatan akan selesai. Tapi, walau apa cara sekalipun, saya memberitahu BPR bahawa mereka perlu selesaikan siasatan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas menemui pegawai kanan agensi itu di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan BPR dan polis meneruskan siasatan terhadap Perwaja dan bekas Pengarah Urusannya, Tan Sri Eric Chia berhubung kerugian syarikat berkenaan yang berjumlah kira-kira RM2.9 bilion.

Isu Perwaja itu muncul selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang. Perwaja menanggung RM10 bilion beban hutang dan kerugian, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul, RM2.985 bilion.

Dalam pertemuannya dengan pegawai kanan BPR itu, Anwar membincangkan usaha memperkemas jentera organisasi agensi itu serta pindaan Akta Rasuah yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Pindaan itu, antara lain akan memberikan kuasa yang lebih kepada badan itu, denda yang lebih tinggi serta memperbaiki kelemahan yang wujud di dalam akta itu sebelum ini.

Pemangku Perdana Menteri mahu prinsip keadilan ditegakkan dalam keghairahan usaha membanteras rasuah di negara ini dan kerana itu, BPR mesti mempertahankan kerahsiaan siasatan dengan tidak menghebahkan nama orang atau tokoh politik yang disiasat sebelum kes mereka dibuktikan.

"Saya takut prinsip keadilan terjejas dalam keghairahan membanteras rasuah apabila nama-nama dihebahkan sedangkan mereka tidak diberi peluang untuk memberi penjelasan.

"Kadang-kadang siasatan itu dijalankan berdasarkan aduan atau surat layang. Jadi biarlah BPR menyiasat kebenaran fakta terlebih dulu," katanya.

Beliau berkata, ada kala orang yang menghantar surat layang hanya mahu bertanya sama ada dakwaan itu benar atau tidak tetapi orang yang disiasat akan berasa seolah-olah sudah dihukum jika nama mereka dihebah terlebih dulu.

(END)